



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (04 OKTOBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **satu (1) kes** positif COVID-19 dikesan dan didaftarkan di Sibu Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat sebanyak 717 kes**.

A. Kes COVID-19 Baharu Yang diKesan (1 Kes Jangkitan Tempatan)

i) Kes Ke-717

Kes merupakan seorang lelaki tempatan yang telah melakukan pemeriksaan kesihatan dan saringan COVID-19 sebelum bertugas di sebuah syarikat tempatan di Kuching. Kes telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan saringan di sebuah klinik kesihatan kerajaan di Kota Samarahan pada 2 Oktober 2020 dan keputusan ujian saringan COVID-19 menggunakan ujian rT-PCR adalah positif pada 03 Oktober 2020.

Sebelum tiba di Samarahan pada 01 Oktober 2020, kes hanya berada di daerah Sibu dan bekerja di sebuah limbungan perkapalan di Sibu sehingga 30 September 2020.

Kes tidak pernah melakukan perjalanan ke luar negara atau melawat kawasan berisiko jangkitan yang tinggi. Di Kota Samarahan, kes telah ditempatkan di rumah pekerja milik syarikat majikan baharu beliau bersama pekerja yang lain dan telah diarahkan untuk membuat pemeriksaan kesihatan sebelum mula bertugas.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak pada tarikh keputusan beliau diperolehi. Kes ini dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan tempatan berdasarkan pergerakan kes dalam tempoh sebulan yang lepas. Pengesahan kontak rapat kes ini sedang giat dilakukan termasuk kontak keluarga beliau, rakan setugas dan kontak sosial beliau.

Kes ini didaftarkan di Daerah Sibu berdasarkan pergerakan kes walaupun kes ini telah dikesan di Daerah Samarahan.

B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Hari ini, tiada kluster yang aktif di Sarawak.

C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan **tiada kes baru** yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini **kekal seramai 682** orang atau **95.25%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital telah **bertambah satu (1) orang** iaitu kemasukkan ke Hospital Umum Sarawak yang melibatkan kes yang dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan keseluruhan jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **enam belas (16)** orang iaitu lapan (8) kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, lima (5) kes di Hospital Miri, dua (2) orang di Hospital Sibu dan satu (1) kes Hospital Bintulu.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada kes kematian** baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.65%**.

Hari ini **dua (2) PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Pada hari ini, Daerah Sibu telah bertukar dari status Hijau kepada status Kuning setelah satu (1) kes jangkitan tempatan dikesan di daerah tersebut. Daerah Kuching dan Daerah Lawas kekal berstatus Kuning dengan Daerah Lawas kekal dengan tiga (3) kes jangkitan tempatan dan Daerah Kuching kekal satu (1) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Kuning adalah tiga (3) buah daerah dan 37 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

E. Perkembangan Kes Positif COVID-19 di Pa' Dalih, Bario, Marudi.

Pada 3 Oktober 2020, aktiviti kawalan dan pencegahan di Pa' Dalih telah dijalankan berikutan satu (1) kes positif COVID-19 dilaporkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Sepang, Selangor yang mempunyai sejarah pergerakan ke Pa' Dalih, Bario. Aktiviti ini telah diketuai sendiri oleh Pegawai Kesihatan Bahagian Miri bersama seorang (1) Pegawai Perubatan, seorang (1) Penolong Pegawai Perubatan, seorang (1) Jururawat dan tiga (1) orang Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran.

Perjalanan aktiviti ini telah dibantu oleh pihak Bomba dan Penyelamat Miri dengan menggunakan sebuah helikopter dari Miri ke Pa' Dalih. Pasukan khas tersebut telah bergerak pada pukul 9:30 pagi dan tiba di Sekolah Kebangsaan Pa' Dalih pada pukul 11:00 pagi. Aktiviti saringan dimulakan dengan taklimat ringkas kepada semua termasuk Petugas Kesihatan dari Kesihatan Klinik Kesihatan Bario yang telah sedia menunggu sebelum

aktiviti dijalankan. Saringan kesihatan bermula pada pukul 12:00 tengah hari dengan bantuan Ketua Kampung Pa' Dalih yang telah memanggil semua penduduk di Pa' Dalih tampil ke Dewan Serbaguna Pa' Dalih untuk menjalani saringan COVID-19.

Saringan telah berjaya meliputi semua penduduk yang berada di Pa' Dalih iaitu merangkumi keseluruhan seramai 117 orang yang terdiri daripada 70 orang lelaki dan 47 orang perempuan. Empat (4) sampel adalah daripada ahli keluarga kepada kes positif dan 113 sampel lagi adalah penduduk kampung Pa' Dalih. Selain itu, aktiviti nyah kuman juga telah dilakukan di rumah keluarga kes, Klinik Kesihatan Pa' Dalih dan Dewan Serbaguna Pa' Dalih yang dijadikan tempat persampelan.

Secara keseluruhannya, kes ini melibatkan seramai 135 kontak rapat dan kesemua mereka telah disaring. Dua belas (12) kontak rapat adalah ahli keluarga kes yang berada di Bandaraya Miri dan Pa' Dalih dan 123 kontak rapat adalah penduduk kampung di Pa' Dalih. Hasil pemeriksaan semasa saringan dilakukan, tiada kontak yang menunjukkan tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kesemua sampel saringan masih menunggu keputusan ujian makmal.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan komitmen yang sangat tinggi yang telah diberikan oleh Pegawai Daerah Kecil Bario, Ketua Kampung Pa' Dalih agansi-agensi lain yang terlibat serta semua penduduk di Pa' Dalih.

2. LAPORAN NOTIS AMARAN / KOMPAUN / SITAAN / TANGKAPAN

Pihak PDRM telah menangkap 28 orang di sebuah pusat hiburan di Sibu kerana beroperasi lebih masa dan melanggar SOP penjarakan fizikal (seorang lelaki tempatan penjaga premis, 7 lelaki dan 20 perempuan warga asing) dan telah mengeluarkan **33 notis kompaun** di Sibu (32) dan Kota Samarahan (1) kerana tidak mematuhi Garis panduan (SOP).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **80 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan SMC (21), MD Marudi (20), BDA (16), DBKU (13), MD Serian (3), MDMJ (3), MPKS (2), MBKS (1) dan MB Miri (1).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,480 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (199), Restoran (256), Kilang (42), Bank (123), Pejabat Kerajaan (18), Penjaja (52), Pasar Tani/Awam (83), Tempat Ibadah (75), Tempat Riadah (40), Tapak Pembinaan (14) dan lain-lain (578).

Seramai **554 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (277), ATM (36), RELA (112), APM (88) dan PBT (41).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **707** jumlah kenderaan telah diperiksa.

5. BILIK GERAKAN NEGERI BEROPERASI 24 JAM

Untuk makluman orang ramai, **Bilik Gerakan Negeri beroperasi 24 jam bermula 5 hingga 18 Oktober 2020** dan nombor talian telefon / whatsapp Bilik Gerakan Negeri boleh dihubungi bagi perkara- perkara berkaitan COVID-19 di nombor berikut:

1. 082 – 513 340
2. 082 – 649 813
3. 082 – 536 512
4. 082 – 646 634
5. 082 – 443 991
6. 011 – 4085 9282 (Whatsapp Mesej Sahaja)

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
04 OKTOBER 2020
4.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	716	Kes sedang dirawat di hospital	16	2.23%
Kes Baharu	1	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	116,342	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	717	Jumlah kes kematian	19	2.65%
IR per 100,000 penduduk	23.24	Kes telah sembuh dan discaj	682	95.12%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	3		2	9,762
Menunggu keputusan	1			

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		8	2	1	5	0	16
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)		0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0	0
	Kumulatif	575	35	38	32	2	682
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)		9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Sibu	1	113	1	14	0	11	0	0	3	3	1
2	Lawas	1	18	0	4	0	1	0	0	3	3	3
3	Kuching	0	6,473	0	436	0	417	0	12	7	7	1
Jumlah		2	6604	1	454	0	429	0	12	13	13	5

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (37)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	310	0	24	0	24	0	0	0	0	0
2	Bintulu	0	292	0	39	0	38	0	0	1	1	0
3	Lundu	0	247	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Bau	0	176	0	6	0	6	0	0	0	0	0
5	Samarahan	0	566	0	112	0	108	0	4	0	0	0
6	Simunjan	0	61	0	8	0	8	0	0	0	0	0
7	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
8	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
9	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
10	Miri	0	836	0	26	0	23	0	1	2	2	0
11	Asajaya	0	43	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	52	0	3	0	2	0	1	0	0	0
13	Betong	0	188	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		0	3,158	0	263	0	253	0	7	3	3	0
Jumlah Besar		2	9,762	1	717	0	682	0	19	16	16	5

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **120 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **12 buah hotel** adalah seramai **1,029 orang**. Manakala seramai **24,843 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 04.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (568)	Hock Lee	73
2		Harbour View	256
3		Riverside (Astana Wing)	239
4	Miri (289)	Eastwood Valley	78
5		Meritz	126
6		Dynasty	85
7	Bintulu (8)	Motel Kapok	5
8		Faber Inn	3
9	Limbang (71)	Purnama	6
10		Shangshan (Lawas)	20
11		Mandarin (Lawas)	45
12	Sibu (93)	Premier	93
Jumlah PUS			1,029

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **3 lokasi di Sibu (1) Kapit (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,692 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 04.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	TIADA	532
2	Miri	1	304
3	Sibu	1	173
4	Samarahan	TIADA	119
5	Bintulu	TIADA	113
6	Sarikei	TIADA	110
7	Limbang	TIADA	80
8	Serian	TIADA	64
9	Betong	TIADA	54
10	Kapit	1	50
11	Mukah	TIADA	48
12	Sri Aman	TIADA	45
Jumlah Keseluruhan			1,692

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **38 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 04.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MDSA	1
4	MP Sibu	9
5	MCC	13
6	MD Marudi	3
7	MD Lawas	7
Jumlah		38